

BAB 2

Tinjauan Ekonomi Global

41 PERSPEKTIF KESELURUHAN

42 EKONOMI GLOBAL

Sisipan 2.1 – KEPENGERUSIAN ASEAN-MALAYSIA
2025: Menerajui Masa Depan Kewangan ASEAN

52 TINJAUAN GLOBAL 2026

55 KESIMPULAN

56 RUJUKAN

BAB 2

Tinjauan Ekonomi Global

Perspektif Keseluruhan

Pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar

(KDNK) global diunjurkan 3% pada 2025 dan 3.1% tahun 2026, disokong oleh aktiviti perdagangan yang kukuh pada separuh pertama 2025, pemulihan kewangan global serta langkah fiskal bersasar di beberapa ekonomi utama. Walau bagaimanapun, kadar pengembangan ini kekal di bawah purata prapandemik sebanyak 3.7%, menandakan pemulihan yang stabil namun masih terdedah kepada risiko.

Bagi **ekonomi maju**, pertumbuhan dijangka kekal sederhana 1.5% pada 2025 dan 1.6% tahun 2026. Amerika Syarikat (AS) diunjur berkembang 1.9% pada 2025, sebelum meningkat kepada 2% tahun 2026. Kawasan euro dijangka mencatat pertumbuhan 1% pada 2025 dan 1.2% tahun 2026, manakala Jepun dijangka lebih perlahan daripada 0.7% pada 2025 kepada 0.5% tahun 2026.


Pasaran baru muncul dan ekonomi sedang membangun (EMDE) kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan global dengan pengeluaran diunjurkan 4.1% pada 2025 dan 4% tahun 2026. China dijangka berkembang 4.8% pada 2025 sebelum menyederhana kepada 4.2% tahun 2026 apabila sokongan dasar berkurangan. India dijangka mengekalkan momentum kukuh dengan

pertumbuhan 6.4% bagi kedua-dua tahun, disokong oleh permintaan domestik yang berdaya tahan.

Perdagangan global diunjur berkembang 2.6% pada 2025 sebelum perlahan kepada 1.9% tahun 2026, kesan daripada aktiviti perdagangan yang dilakukan lebih awal (*front-loading*) yang semakin reda. Walaupun aliran perdagangan telah menyokong pengeluaran global secara sementara, ketidakpastian yang berpanjangan mengenai tarif dan pelarasan rantai bekalan dijangka mengekang momentum pada masa hadapan. Aliran **pelaburan langsung asing** juga dijangka kekal perlahan sehingga 2026, dipengaruhi oleh ketegangan geopolitik, peralihan rantai bekalan dan ketidakpastian fiskal yang menjejaskan sentimen pelabur.

Trajektori **inflasi global** dijangka terus menurun, dengan purata 4.2% pada 2025 dan 3.6% tahun 2026. Inflasi kekal melebihi sasaran di AS, manakala kawasan euro dan EMDE mengalami pengurangan inflasi yang lebih ketara didorong oleh permintaan yang perlahan serta harga komoditi yang lebih rendah.

Prospek **risiko** global 2026 kekal pada aliran menurun disebabkan peningkatan tarif baharu, gangguan geopolitik dalam aliran tenaga dan perdagangan, ketidakseimbangan fiskal berpanjangan serta ketidakpastian pasaran kewangan global.

RAJAH 2.1 Keluaran Dalam Negeri Kasar, Perdagangan dan Inflasi Global 2024 – 2026 (%Perubahan)¹ Anggaran² Unjuran

Nota: Perdagangan bagi Ekonomi Maju serta Pasaran Baru Muncul dan Ekonomi Sedang Membangun merujuk kepada purata volum eksport dan import bagi barangan dan perkhidmatan

Sumber: Tabung Kewangan Antarabangsa, World Economic Outlook Update (Julai 2025)

Ekonomi Global

Pada separuh pertama 2025, ekonomi **AS** menunjukkan pertumbuhan yang perlahan disebabkan permulaan yang lemah di awal tahun. Menurut laporan Bureau of Economic Analysis, U.S. Department of Commerce, ekonomi menyusut pada suku pertama 0.5% namun pulih dengan ketara sebanyak 3.8% pada suku kedua. Permintaan swasta kekal kurang menggalakkan ekoran kadar faedah yang tinggi menyebabkan kos pinjaman meningkat seterusnya mendorong isi rumah dan perniagaan mengambil langkah lebih berhati-hati. Pasaran buruh terus kukuh dengan kadar pengangguran stabil pada 4.1% dan penciptaan pekerjaan baharu sekitar 150,000 setiap bulan. Pada masa yang sama inflasi terus mereda apabila harga keseluruhan meningkat pada kadar yang lebih sederhana iaitu 2.7%.

Ekonomi AS diunjur berkembang pada kadar 1.9% bagi 2025 berbanding 2.8% tahun 2024. Pertumbuhan yang kurang menggalakkan ini disebabkan oleh kesan perlahan daripada kadar faedah tinggi yang berpanjangan, penyusutan kapasiti fiskal serta ketidaktentuan global yang berterusan. Pada separuh pertama 2025 keadaan kewangan bertambah baik susulan penyusutan nilai dolar AS. Walaupun prospek pasaran semakin optimistik aktiviti ekonomi keseluruhan kekal terbatas. Penyusutan nilai dolar AS dijangka meningkatkan eksport, manakala penggunaan domestik dijangka memacu pertumbuhan.

Pengguna dijangka mengambil pendekatan yang lebih berhati-hati dengan mengambil kira kenaikan kadar pinjaman dan kenaikan upah sebenar yang perlahan, walaupun pasaran buruh kekal kukuh. Momentum perbelanjaan pengguna pascapandemik telah berkurangan

mendorong pembeli lebih peka terhadap kenaikan harga dan keperluan pembayaran balik. Walaupun prestasi runcit kekal stabil, ia menunjukkan tahap yang tidak konsisten merentas kumpulan pendapatan berbeza. Pasaran buruh dijangka kekal ketat pada 2025 dengan purata kadar pengangguran masih pada 4.2%. Walaupun kadar ini lebih tinggi daripada paras prapandemik ia masih mencerminkan pasaran kerja yang kukuh. Peluang pekerjaan dijangka meningkat dalam sektor perkhidmatan terutamanya dalam industri penjagaan kesihatan, logistik dan digital. Inflasi dijangka mencatat 2.8% pada 2025 menumpu secara berperingkat ke arah sasaran 2% Rizab Persekutuan disokong oleh rantai bekalan yang bertambah baik. Rizab Persekutuan dijangka mengekalkan kadar faedah yang tinggi pada 2025 sebagai sebahagian daripada strategi untuk mengurus inflasi.

Menurut Office of National Statistics UK, ekonomi **UK** berkembang 0.7% pada suku pertama 2025 berbanding pertumbuhan 0.1% pada tempoh yang sama 2024. KDNK dianggarkan meningkat 0.3% pada suku kedua 2025. Secara keseluruhan pertumbuhan bagi separuh pertama 2025 dijangka mencatatkan 1%.

Ekonomi UK dijangka berkembang 1.2% pada 2025 berbanding 1.1% tahun 2024. Faktor utama yang menyumbang kepada perubahan ini termasuk kesan limpahan kecil dari tahun 2024, impak daripada pengumuman tarif terkini, peningkatan kadar hasil bon kerajaan serta pengurangan penggunaan swasta disebabkan inflasi yang meningkat berikutan kawalan harga dan kos tenaga.

Kadar pengangguran di UK diunjurkan 4.5% pada 2025 berbanding 4.3% tahun 2024. Peningkatan ini disebabkan oleh pasaran buruh yang perlahan, kadar pengangguran yang tinggi dan penurunan dalam kekosongan pekerjaan. Secara purata, inflasi dijangka mencecah 3.1% pada 2025 berbanding 2.5% tahun 2024. Peningkatan inflasi keseluruhan

yang bermula separuh tahun kedua 2024 dijangka berterusan akibat kenaikan harga dikawal, peningkatan caruman majikan ke atas Sumbangan Insurans Nasional (NIC) dan pengurangan kesan asas daripada harga tenaga.

KDNK di **kawasan euro** meningkat 1.5% pada suku pertama 2025 berbanding 0.5% tahun 2024. Pemulihan ini terutamanya didorong oleh prestasi kukuh di Ireland disebabkan eksport farmaseutikal yang dilakukan lebih awal (*front-loading*) dan pembukaan fasiliti pengeluaran baharu. Pasaran buruh kekal berdaya tahan dengan kadar pengangguran pada 6.4% berbanding 6.5% tahun 2024 disokong oleh penciptaan pekerjaan yang kukuh terutamanya dalam sektor perkhidmatan.

Ekonomi kawasan euro dijangka berkembang pada kadar 1% pada 2025 berbanding 0.9% tahun 2024, disokong oleh perbelanjaan isi rumah berikutan inflasi yang menyederhana kepada 2.1% berbanding 2.4% tahun 2024. Selepas pemotongan kadar secara berturut sejak pertengahan 2024, European Central Bank (ECB) mengekalkan kadar faedah yang stabil pada 2% dengan mengambil langkah berhati-hati dalam persekitaran dasar perdagangan yang tidak menentu. Dasar monetari akomodatif oleh ECB menyokong pemulihan dalam pelaburan yang mencatatkan pertumbuhan 1.3% pada 2025 berbanding -1.8% tahun 2024. Pasaran buruh terus kukuh dengan kadar pengangguran dijangka kekal pada 6.4%.

Ekonomi **Jerman** mencatatkan penguncupan KDNK pada 2023 hingga 2024 dan tiada pertumbuhan KDNK bagi suku pertama 2025 berbanding -0.1% tahun 2024. Sama seperti kawasan euro yang lain, pertumbuhan Jerman disokong oleh peningkatan perbelanjaan isi rumah apabila inflasi berkurang kepada 2.3% pada suku pertama berbanding 2.5% tahun 2024. Walau bagaimanapun, ketegangan perdagangan dijangka membebaskan sektor pembuatan Jerman yang besar dan sangat bergantung kepada eksport. Kerajaan

baharu yang ditubuhkan pada Februari 2025 mengumumkan belanjawan persekutuan pada 24 Jun 2025 yang memberi fokus untuk meningkatkan pelaburan dalam suasana pertumbuhan ekonomi yang sederhana. Keadaan ekonomi yang lebih perlahan turut memberi kesan kepada pasaran buruh dengan kadar pengangguran meningkat kepada 3.6% berbanding 3.3% tahun 2024.

Aktiviti ekonomi dijangka perlahan untuk sepanjang tahun 2025, mencerminkan cabaran yang dihadapi oleh sektor eksport berikutan permintaan luaran yang lemah dan ketidakpastian dasar perdagangan AS yang terus menekan sektor pembuatan. Perbelanjaan isi rumah disokong oleh inflasi yang diunjur mencatat pengurangan kepada 2.1% pada 2025 berbanding 2.5% tahun 2024.

Ekonomi **Perancis** berkembang lebih perlahan pada suku pertama 2025 dengan pertumbuhan KDNK mencatatkan 0.6% berbanding pertumbuhan 1.7% dalam tempoh yang sama pada tahun 2024. Inflasi menurun secara mendadak kepada 1.1% daripada 2.8% pada tahun sebelumnya yang memberikan kelegaan sementara kepada kuasa beli isi rumah. Pasaran buruh kekal berdaya tahan dengan kadar pengangguran stabil pada 7.4%.

Bagi tahun 2025 pertumbuhan ekonomi Perancis diunjurkan pada 0.6% berbanding peningkatan 1.1% tahun 2024. Ini menunjukkan penguncupan fiskal, permintaan luaran yang lemah dan ketidakpastian dasar global yang semakin meningkat. Aktiviti ekonomi yang lemah ini akan memberi tekanan kepada pasaran buruh dan menyebabkan kadar pengangguran meningkat kepada 7.7% berbanding 7.4% tahun 2024. Perbelanjaan kerajaan dijangka menguncup sejajar dengan langkah pemotongan belanjawan. Permintaan yang lemah ini dijangka mengurangkan tekanan harga dengan inflasi diunjurkan menurun kepada 0.8% pada suku kedua 2025 berbanding 2.2% pada tempoh yang sama 2024.

Menurut Cabinet Office, Government of Japan, ekonomi **Jepun** berkembang 1.7% pada suku pertama dan kedua 2025 melonjak dari -0.8% dan -0.7% dalam tempoh yang sama pada 2024. Pertumbuhan KDNK Jepun disokong terutamanya daripada penggunaan swasta yang meningkat 1.6% dan 1.1% pada suku pertama dan kedua 2025. Dari aspek permintaan, pertumbuhan disokong oleh lonjakan dalam eksport yang meningkat 3.9% dan 4.9% pada suku masing-masing berikutan daripada aktiviti perdagangan yang dilakukan lebih awal (*front-loading*) seiring pengumuman tarif AS. Inflasi dicatatkan antara 3% dan 3.5% disebabkan oleh kenaikan harga makanan khususnya beras.

Ekonomi Jepun dijangka berkembang 0.7% pada 2025. Penggunaan swasta dijangka kekal berdaya tahan didorong oleh kenaikan upah yang kukuh yang meningkatkan pendapatan isi rumah. Penggunaan swasta dijangka turut didorong oleh inisiatif kerajaan, termasuk langkah-langkah untuk mengurangkan beban isi rumah berikutan kenaikan harga tenaga serta pelaksanaan reformasi percukaian pada 2025. Inflasi dijangka mencatat 3.3% berikutan penyederhanaan harga minyak dan makanan. Kadar pengangguran diunjurkan kekal stabil pada 2.5%.

Menurut Australian Bureau of Statistics, ekonomi **Australia** berkembang 0.3% pada suku pertama dan 0.6% pada suku kedua 2025. Pertumbuhan ini didorong oleh permintaan domestik khususnya perbelanjaan isi rumah dan kerajaan. Pertumbuhan ekonomi Australia dipacu oleh perdagangan antarabangsa yang kukuh terutamanya dalam pengeksporan produk perlombongan. Kadar inflasi suku kedua 2025 adalah 2.1%, menurun daripada 2.4% pada suku pertama 2025. Pasaran buruh kekal stabil dengan kadar pengangguran pada separuh pertama 2025 berada antara 4.1% dan 4.2%, manakala upah meningkat secara stabil.

Tahun 2025, KDNK Australia diunjurkan berkembang pada kadar 1.8% disokong oleh keadaan kewangan global yang bertambah baik, pemulihan perdagangan antarabangsa dan pengurangan tekanan tarif. Namun begitu, permintaan domestik terutamanya perbelanjaan isi rumah dijangka menyederhana disebabkan beberapa faktor termasuk kos sara hidup yang tinggi. Inflasi diunjurkan kekal stabil pada 2.5% sekali gus mendorong Reserve Bank of Australia (RBA) mengekalkan pendirian monetari yang neutral. Kadar pengangguran kekal stabil dan diunjurkan pada 4.2% disokong oleh penyertaan tenaga buruh yang stabil dan sektor perkhidmatan yang masih mengambil pekerja baharu.

Pertumbuhan KDNK **Republik Korea** menguncup dengan ketara 0.1% pada separuh pertama 2025 berbanding 2.8% dalam tempoh yang sama tahun sebelumnya. Pertumbuhan perlahan ini sebahagian besarnya disebabkan oleh penguncupan 11.3% dalam pelaburan sektor pembinaan dan pertumbuhan sektor perkhidmatan yang perlahan berikutan sentimen pengguna yang lemah. Inflasi mencatat 2% berikutan kejatuhan harga minyak global, manakala kadar pengangguran dicatatkan pada 3.1%.

Ekonomi Republik Korea dijangka mencatat pertumbuhan perlahan 0.8% pada 2025, disebabkan oleh permintaan domestik yang lemah. Pelaburan sektor pembinaan diunjur menguncup pada 2025 terutamanya disebabkan oleh kemerosotan yang ketara pada separuh pertama. Penggunaan swasta dijangka mengalami pertumbuhan perlahan khususnya dalam sektor perkhidmatan berikutan sentimen pengguna yang lemah. Inflasi dijangka mencatat 1.9% sementara kadar pengangguran pada 2.9%.

Menurut National Bureau of Statistics of China, ekonomi **China** berkembang 5.3% pada separuh pertama 2025 melepasi pertumbuhan

secara marginal 5% bagi tempoh yang sama tahun 2024. Pertumbuhan ini didorong oleh permintaan domestik yang kukuh, iaitu 68.8% daripada KDNK. Sektor perkhidmatan berkembang 5.5% disokong oleh nilai tambah subsektor perkhidmatan penghantaran maklumat, perisian dan teknologi maklumat, penyewaan dan perkhidmatan perniagaan, pengangkutan, penyimpanan dan perkhidmatan pos serta perdagangan borong dan runcit. Inflasi direkod pada 0.1% disokong oleh bekalan mencukupi yang menyebabkan penurunan harga sayur-sayuran segar dan bijirin. Kadar pengangguran meningkat secara marginal kepada 5.2%.

Bagi tahun 2025, pertumbuhan ekonomi China dijangka menyederhana pada 4.8% mencerminkan permintaan domestik yang lemah serta cabaran perdagangan luar yang berterusan. Pelaburan swasta dijangka menguncup 11.2%, disebabkan oleh pelaburan hartanah yang perlahan. Inflasi dijangka sifar, manakala kadar pengangguran dijangka kekal stabil pada 5.1%.

Pertumbuhan KDNK **India** pada 2025 diunjurkan pada kadar 6.4% disokong oleh pengukuhan permintaan domestik dan keadaan luaran yang bertambah baik. Penggunaan swasta yang berdaya tahan, momentum berterusan dalam perbelanjaan infrastruktur awam dan peningkatan eksport secara berperingkat dijangka memacu pertumbuhan dalam persekitaran global yang semakin stabil. Dari segi penawaran, di bawah sektor perkhidmatan terutamanya perkhidmatan digital dan kewangan dijangka kekal menjadi pemacu utama pertumbuhan, manakala sektor pembuatan menerima manfaat kepelbagaian rantai bekalan dan sokongan dasar. Kadar pengangguran dijangka kekal stabil pada 2025 menunjukkan keadaan pasaran buruh yang sihat. Inflasi dijangka menurun kepada 4.2% disokong oleh penurunan harga makanan dan tenaga.

SISIPAN 2.1

Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Menerajui Masa Depan Kewangan ASEAN

RAJAH 2.1.1. Struktur Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025



Sumber: The ASEAN Charter
Kementerian Kewangan Malaysia

Pengenalan

Malaysia menyandang Kepengerusian ASEAN pada tahun 2025 buat kali kelima dengan tema "Keterangkuman dan Kemampanan" mencerminkan pencapaian sedekad di bawah Rangka Tindakan Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) 2025 serta hala tuju strategik yang baharu. Pencapaian 2025 ini memberi peluang penting kepada ASEAN untuk melancarkan Pelan Strategik AEC 2026-2030 yang membuka landasan ke arah transformasi kewangan, keterangkuman dan pertumbuhan mampan selaras dengan Wawasan Komuniti ASEAN 2045 (ACV 2045) dalam menghadapi cabaran global yang sentiasa berubah.

Komuniti ASEAN

Komuniti ASEAN diasaskan kepada tiga tonggak utama yang saling berkaitan: Komuniti Politik-Keselamatan ASEAN (APSC), Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) dan Komuniti Sosio-Budaya ASEAN (ASCC). Tonggak-tonggak ini secara kolektif bertujuan membina kerjasama serantau yang aman, makmur dan berpaksikan rakyat. Wawasan Komuniti ASEAN 2025 (ACV 2025) telah dilancarkan semasa Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2015 bertemakan "Warga Kita, Komuniti Kita, Wawasan Kita," telah membimbing kemajuan ASEAN merentas ketiga-tiga tonggak tersebut. Pada tahun 2025, Malaysia telah menyempurnakan ACV 2025, sekaligus merangka hala tuju sehingga 2045 bagi merealisasikan visi ASEAN yang berdaya tahan, inovatif, dinamik dan berpaksikan rakyat.

Komuniti Ekonomi Asean (AEC)

Kepimpinan Malaysia pemangkin penting dalam memajukan kerjasama ekonomi ASEAN dengan penyempurnaan Pelan Tindakan AEC 2025 yang diterima pakai pada tahun 2015. Kemajuan pelaksanaan keseluruhan berada pada tahap membanggakan iaitu 97%, merangkumi 75% inisiatif yang telah diselesaikan dan 22% sedang dalam pelaksanaan. Di bawah Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025, Pelan Strategik AEC 2026–2030 diluncurkan sebagai fasa pertama ke arah ACV 2045. Pelan ini menyediakan rangka kerja komprehensif untuk mentransformasi ekonomi ASEAN, sejajar dengan keperluan perniagaan yang semakin berkembang dan menangani cabaran global serta serantau.

Bagi menyokong Pelan ini, 18 Keberhasilan Ekonomi Keutamaan (PED) di mana tiga PED di bawah trek kewangan telah diterima pakai untuk memupuk AEC yang berdaya tahan, inklusif dan berorientasikan masa hadapan. PED ini dikelompokkan di bawah empat teras: meningkatkan perdagangan dan pelaburan, mewujudkan laluan inklusif dan mampan, menggalakkan integrasi dan kesalinghubungan ekonomi serta membina ASEAN yang berdaya tahan digital. Dalam rangka kerja AEC, Menteri Kewangan dan Gabenor Bank Pusat ASEAN menerajui kerjasama kewangan, dengan tumpuan untuk memperkukuhkan integrasi kewangan melalui kestabilan kewangan, pembangunan pasaran modal, daya tahan serantau dan perkhidmatan kewangan yang inklusif.

Trek Kewangan ASEAN

Mesyuarat Menteri-Menteri Kewangan dan Gabenor-Gabenor Bank Pusat ASEAN (AFMGM) berfungsi sebagai platform utama untuk kerjasama kewangan serantau. Penganjuran AFMGM ke-12 di Kuala Lumpur, Malaysia telah menerima pakai tiga PED yang merangkumi:

PED#1: Memangkin Kewangan Hijau untuk ASEAN yang Adil dan Berdaya Tahan Iklim

ASEAN dijangka akan mengalami kerugian KDNK sehingga 11% menjelang 2100 akibat daripada risiko berkaitan iklim. Walaupun pelepasan karbon secara relatif kekal rendah, pencapaian sifar bersih menjelang 2050 masih memerlukan pelaburan yang besar. Kepimpinan Malaysia telah menekankan pendekatan tiga serampang ke arah kelestarian:

- (i) membangunkan instrumen untuk menyokong usaha penyahkarbonan dan membina daya tahan iklim;
- (ii) mendapatkan pembiayaan untuk projek iklim/hijau; dan
- (iii) menyokong peralihan hijau Perusahaan Mikro, Kecil, dan Sederhana (PMKS).

Ketiga-tiga pendekatan di bawah PED ini disokong oleh keberhasilan utama seperti berikut:

- (i) Penerbitan **Taksonomi ASEAN untuk Kewangan Lestari Versi 4** yang memperkenalkan kategori “Amber” untuk mencerminkan kepelbagaian ekonomi anggota ASEAN. Sebagai pelengkap kepada usaha berkenaan, **Garis Panduan Kewangan Peralihan ASEAN Versi 2** telah dilancarkan untuk membolehkan institusi kewangan menyelaraskan strategi dengan sasaran iklim global;

- (ii) Peluncuran **Pelan Tindakan Dana Infrastruktur ASEAN (AIF) 2025–2028** bagi meningkatkan infrastruktur hijau telah memperkenalkan Fasiliti Kesiapan Projek Keterhubungan Serantau (RCF), Fasiliti Pembiayaan Peralihan Rangkaian Kuasa ASEAN (ASEAN TFF) dan fasiliti pembiayaan Islam secara rintis yang bertujuan untuk mengalakkan pelaksanaan projek berskala besar serta berdaya maju merentas ASEAN; dan
- (iii) Pengiktirafan peranan PMKS yang merangkumi 99% perniagaan ASEAN dan lebih 85% pekerjaan di sesetengah negara melalui pengenalan **Panduan Penzahiran Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) Ringkas (SEDG)** bagi membantu PMKS memenuhi keperluan pelaporan ESG. Dalam masa yang sama, Malaysia menerbitkan buku panduan rantai bekalan serantau bertajuk “Building Supply Chain Resilience: Insight into Greening Value Chain for ASEAN” untuk membimbing PMKS mempercepatkan proses penyahkarbonan, pematuhan kepada peraturan antarabangsa dan membina daya tahan.

Secara keseluruhannya, usaha ini dijangka akan mengurangkan pelepasan karbon, meningkatkan penggunaan ESG dan menjana antara USD3.7 trilion hingga USD6.7 trilion dalam pelaburan hijau menjelang 2050, mewujudkan antara 49 hingga 66 juta pekerjaan tambahan dan manfaat ekonomi jangka panjang.

PED#2: Mempercepat Pertumbuhan Pasaran Modal yang Mampan, Terhubung dan Inklusif

Malaysia telah menerajui peluncuran **Pelan Tindakan Forum Pasaran Modal ASEAN (ACMF) 2026–2030**. Walaupun pembiayaan berasaskan pasaran hanya menyumbang 54% daripada KDNK ASEAN, pelan ini direka untuk memperkukuhkan integrasi, meningkatkan kewangan hijau dan peralihan serta meletakkan ASEAN sebagai kelas aset yang berdaya saing global. Pelan ini memberi tumpuan kepada peningkatan penjajaran kawal selia, memperkukuhkan pembangunan kapasiti, menambah baik ketelusan dan mempertingkatkan kesedaran.

PED#3: Memperluaskan Ketersambungan Pembayaran Segera secara Inklusif

Malaysia menumpukan kepada kewangan digital dengan menyasarkan peluasan pautan pembayaran QR dua hala daripada 18 kepada 25 menjelang akhir 2025. Usaha ini menyasarkan peningkatan tahunan 50% dalam jumlah transaksi pembayaran QR rentas sempadan dan peningkatan 25% dalam pemindahan dana antara individu. Pautan ini menyokong PMKS, pengguna dan pekerja migran dengan mengurangkan kos transaksi di samping meningkatkan kelajuan dan keselamatan.

Malaysia turut menerajui pemuktamadan **Roadmap Ketersambungan Pembayaran Segera Serantau**, satu langkah penting ke arah rangkaian pembayaran multilateral yang lancar di seluruh ASEAN. Ini akan merancakkan perdagangan, pelancongan, dan keterangkuman kewangan selaras dengan piawaian kewangan global.

Trek Kewangan ASEAN+3

Pada tahun 2025, sebagai Pengerusi Bersama Mesyuarat Menteri-Menteri Kewangan dan Gabenor-Gabenor Bank Pusat ASEAN+3 (AFMGM+3) dengan China, Malaysia terus mengukuhkan kedudukan ASEAN dalam ASEAN+3 termasuk China, Jepun, dan Republik Korea. Usaha ini bertujuan untuk meningkatkan kerjasama ekonomi serantau, menggalakkan kestabilan kewangan dan memupuk dialog strategik dalam kalangan ekonomi terbesar Asia, sekali gus mempertingkatkan pengaruh ASEAN serta memacu pertumbuhan mampan di seluruh Asia Timur.

Inisiatif utama AFMGM+3 termasuk:

- (i) **Inisiatif Multilateralisasi Chiang Mai (CMIM)** merupakan jaringan keselamatan kewangan bernilai USD240 bilion telah ditambahbaik dengan Fasiliti Pembiayaan Pantas (RFF) yang membolehkan akses segera kepada dana kecemasan dalam mata wang utama. Selain itu, penerimaan segera Perjanjian CMIM yang dipinda kepada model Modal Berbayar (Paid-In Capital) akan mengukuhkan kredibilitinya sejajar dengan piawaian global;
- (ii) **Pertukaran Dasar Fiskal ASEAN+3** dilancarkan bagi berkongsi amalan terbaik mengenai isu penuaan penduduk dan pembaharuan fiskal;
- (iii) **Instrumen Penambahbaikan dan Kajian Dasar Struktur (SPIRIT)** diperkasakan bagi menyokong pembaharuan struktur yang disasarkan khususnya kepada pembaharuan pasaran buruh, penyahkawalseliaan industri dan penambahbaikan institusi awam;
- (iv) **Rangkaian Kumpulan Pemikir Kewangan ASEAN+3 (AFTN)** diperluaskan daripada 21 kepada 28 institusi, termasuk Khazanah Research Institute (KRI) dan Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa, Universiti Kebangsaan Malaysia (IKMAS-UKM) sebagai ahli baharu;
- (v) **Inisiatif Pasaran Bon Asia (ABMI)** dikemaskini untuk mengutamakan kewangan digital mampan, bagi meningkatkan pasaran bon mata wang tempatan ASEAN+3, serta meningkatkan kecairan, daya tahan, dan keyakinan pelabur; dan
- (vi) **Inisiatif Pembiayaan Risiko Bencana (DRFI)** diperkukuhkan bagi menyokong pembangunan serantau yang berdaya tahan, bersedia untuk pelaburan, dan mampu menguruskan risiko bencana untuk melindungi pertumbuhan mampan jangka panjang.

Inisiatif ini seterusnya mengukuhkan kedudukan ASEAN sebagai entiti yang berwibawa dan responsif dalam seni bina kewangan global.

Kerjasama Luar

Sepanjang kepimpinan Malaysia, trek kewangan ASEAN mengukuh kerjasama dengan rakan kongsi luar yang penting termasuk sektor swasta seperti **ASEAN Business Advisory Council (ASEAN-BAC)**, **EU-ASEAN Business Council (EU-ABC)** dan **US-ASEAN Business Council (US-ABC)**. Kerjasama ini menjajarkan rangka kerja dasar dengan realiti pasaran untuk memastikan usaha integrasi kewangan adalah praktikal, inklusif dan responsif kepada keperluan pihak berkepentingan. ASEAN berperanan sebagai platform untuk memudahcara dialog mengenai perkembangan ekonomi global dan serantau serta koordinasi tindak balas terhadap risiko kewangan yang baru muncul.

Selain itu, ASEAN mengekalkan kerjasama erat dengan organisasi antarabangsa multilateral utama seperti **International Monetary Fund (IMF)**, **World Bank Group (WBG)**, **Asian Development Bank (ADB)** dan institusi **ASEAN+3 Macroeconomic Research Office (AMRO)**. Penglibatan aktif organisasi antarabangsa ini dalam mesyuarat AFMGM ke-12 dan AFMGM+3 ke-28 di bawah Kepengerusan ASEAN-Malaysia telah memudahcara ASEAN dalam mengemudi ketidaktentuan geopolitik, mengekalkan penyelarasan dengan piawaian global yang berkembang serta melaksanakan dasar kewangan yang baik dalam landskap antarabangsa yang kompleks.

Kesimpulan

Di bawah Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025, integrasi kewangan serantau meraih momentum, memperluaskan saluran pelaburan hijau dan meningkatkan perkembangan inovasi digital, sekali gus memperkukuhkan pertumbuhan mampan ASEAN pasca 2025. Seni bina kewangan yang diperkukuh ini menempatkan ASEAN sebagai komuniti ekonomi yang stabil dan berdaya tahan menghadapi ketidaktentuan global yang berterusan. Malaysia juga mengukuhkan hubungan ekonomi secara dalaman di samping memperluaskan kerjasama luar, meningkatkan daya tahan rantau ini terhadap kejutan geopolitik dan kewangan. Usaha-usaha strategik ini sejajar dengan wawasan ASEAN untuk menjadi komuniti ekonomi yang berdaya saing dan bersepadu menjelang 2045.

Berpandukan ASEAN Way serta disokong oleh keberhasilan utama daripada AFMGM ke-12 dan AFMGM+3 ke-28, Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025 menegaskan semula peranan penting multilateral dan kerjasama serantau dalam menangani cabaran global baru muncul. Asas kukuh yang dibentuk pada tahun 2025 menyediakan lonjakan strategik bagi aspirasi nasional dan serantau untuk terus memperkukuh infrastruktur kewangan, memacu inovasi dan mengekalkan pertumbuhan inklusif.

Kesimpulannya, kepimpinan Malaysia telah menyampaikan pelan hala tuju masa depan yang meletakkan ASEAN pada landasan yang kukuh ke arah masa depan kewangan berdaya tahan, inklusif, dan mampan, sekali gus mengiktiraf ASEAN sebagai komuniti ekonomi yang penting dan dinamik di pentas dunia.

Ekonomi **ASEAN-5** (Indonesia, Malaysia, Filipina, Singapura, Thailand) menunjukkan daya tahan dengan mencatatkan pertumbuhan 4.1% pada separuh pertama 2025. Pertumbuhan yang didorong oleh peningkatan eksport sebahagiannya disusutkan oleh permintaan domestik yang lemah berpunca daripada pelaburan yang rendah di Indonesia, Malaysia dan Thailand. Sektor perkhidmatan kekal kukuh, manakala prestasi perindustrian adalah bercampur. Eksport teras menghadapi cabaran walaupun terdapat permintaan global yang kukuh untuk barangan elektronik dan komoditi. Inflasi menyederhana pada 1.7% disokong oleh dasar monetari yang berhati-hati. Keadaan pasaran buruh kekal stabil dengan pasaran Asia Tenggara pulih ke tahap prapandemik.

Pertumbuhan KDNK ASEAN-5 diunjurkan pada 4.1%. Integrasi mendalam ASEAN ke rangkaian nilai global dan kebergantungan pada permintaan luaran mungkin memberi kesan kepada prospek perdagangan serantau. Cabaran luaran mungkin menimbulkan kesukaran yang berpotensi menjejaskan prestasi eksport dan aliran pelaburan pada tahun akan datang.

Menurut BPS-Statistics Indonesia, KDNK **Indonesia** berkembang 4.9% pada suku pertama dan 5.1% pada suku kedua tahun 2025, berbanding 5.1% dan 5.1% pada tempoh yang sama tahun 2024. Pertumbuhan disokong oleh penggunaan isi rumah, peningkatan mobiliti penduduk dan perbelanjaan musim

perayaan. Hasil ekonomi disokong oleh sektor pertanian berikutan musim menuai utama bagi tanaman makanan dan prestasi perdagangan runcit yang kukuh. Inflasi mencatat 2.4% pada Julai 2025. Kadar pengangguran pada Februari 2025 ialah 4.8%, penurunan 0.1% berbanding Februari 2024.

Pertumbuhan Indonesia dijangka 4.7% pada 2025 didorong oleh perbelanjaan isi rumah serta kerajaan dan projek infrastruktur. Keadaan geopolitik global berpotensi memperlahankan eksport bukan minyak dan gas. Indonesia juga mungkin terjejas oleh ketidakpastian yang tinggi dalam pasaran kewangan. Inflasi diunjurkan pada 2.5% disebabkan oleh permintaan domestik dan inflasi import, manakala kadar pengangguran diunjurkan pada 5%.

Menurut Office of the National Economic and Social Development Council, KDNK **Thailand** bagi separuh pertama 2025 mencatatkan 2.3% berbanding pertumbuhan purata 2.0% pada 2024, selaras dengan perubahan dasar perdagangan global. Selain itu, eksport yang melemah, perbelanjaan yang perlahan dan pemulihan sektor pelancongan yang sederhana turut menyumbang kepada pertumbuhan ini. Pelaburan awam berkembang disokong oleh penyaluran peruntukan yang tinggi daripada kerajaan pusat dan pelaburan oleh perusahaan milik negara. Kadar inflasi keseluruhan Thailand bagi Julai 2025 berada pada -0.7% disebabkan oleh penurunan harga tenaga domestik dan makanan mentah. Kadar pengangguran kekal stabil pada purata 0.9% dengan kadar guna tenaga dalam sektor bukan pertanian berada pada tahap yang sama seperti tahun sebelumnya. Sementara itu, sektor pertanian terus menguncup.

Pertumbuhan KDNK Thailand bagi 2025 diunjurkan pada 1.8%, ketinggalan berbanding negara-negara serantau. Penggunaan swasta kekal menjadi pemacu utama disokong oleh sektor pelancongan dan pakej rangsangan kerajaan. Pelaburan awam dijangka bertambah baik pada separuh kedua 2025, namun

mungkin tidak dapat mengimbangi sepenuhnya kelemahan sektor luaran. Sektor perkhidmatan akan berkembang, manakala sektor pembuatan dijangka akan terus menguncup. Inflasi dijangka mencatatkan 0.5%.

Menurut Singapore Department of Statistics, ekonomi **Singapura** berkembang purata 4.3% pada separuh pertama 2025 berbanding 3% pada separuh pertama 2024. Nilai KDNK pada suku pertama ialah 3.8% dan meningkat kepada 4.3% suku kedua. Pertumbuhan ini disokong oleh sektor perdagangan borong, pembuatan, kewangan dan insurans serta pengangkutan dan penyimpanan yang dirangsang oleh aktiviti perdagangan yang dilakukan lebih awal (*front-loading*) di rantau ini menjelang pelaksanaan tarif oleh AS. Inflasi direkodkan pada kadar 0.9% pada separuh pertama 2025 didorong oleh kumpulan pendapatan isi rumah bagi sektor penginapan, kesihatan, insurans, makanan dan motokar. Kadar pengangguran kekal stabil pada 2.1% disokong oleh pertumbuhan ekonomi yang berterusan.

Pertumbuhan KDNK Singapura dijangka 1.7% pada 2025, didorong oleh prestasi kukuh sektor perdagangan borong, pembuatan, kewangan, insurans dan pengangkutan pada separuh pertama 2025. Pertumbuhan ini dijangka menurun pada separuh kedua 2025 berikutan kelembapan perdagangan global, pelaksanaan langkah tarif dan penurunan permintaan domestik. Walau bagaimanapun, sektor bernilai tinggi seperti kejuruteraan pengangkutan dijangka berkembang dan dipacu oleh peningkatan aktiviti penyelenggaraan pesawat. Selain itu, sektor kejuruteraan ketepatan juga dijangka akan berkembang, disokong oleh pelaburan berterusan dalam cip berkaitan AI. Kadar inflasi diunjurkan 1.2% pada 2025, mencerminkan penurunan harga komoditi dan harga tenaga global, permintaan domestik lemah serta pasaran buruh stabil yang dapat mengekalkan tekanan kos yang rendah. Kadar pengangguran diunjurkan pada 2.3%.

Menurut Philippine Statistics Authority, KDNK **Filipina** direkodkan 5.4% pada suku pertama 2025 dan meningkat kepada 5.5% pada suku kedua 2025. Pertumbuhan ini didorong oleh perdagangan borong dan runcit, pembaikan kenderaan bermotor dan motosikal, pentadbiran awam dan pertahanan, keselamatan sosial wajib serta aktiviti kewangan dan insurans. Kadar inflasi pada purata 1.8% bagi separuh pertama 2025 didorong oleh peningkatan indeks perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain serta penurunan perlahan dalam indeks pengangkutan. Kadar pengangguran dicatatkan 3.7% pada Jun 2025 berbanding 3.1% Jun 2024. Pada 2025, KDNK Filipina diunjurkan secara purata 5.5% didorong oleh perbelanjaan, kekuatan pasaran buruh dan kiriman wang. Kadar inflasi dijangka pada 2.6%, mencerminkan penurunan harga makanan dan harga tenaga di samping pendirian monetari yang sesuai. Pengangguran dijangka pada kadar 4.5% dengan peluang pekerjaan yang berterusan terutamanya dalam sektor perkhidmatan, pertanian dan pembinaan.

Tinjauan Global 2026

Menjelang 2026, ekonomi **AS** diunjurkan berkembang pada 2% disokong oleh pengukuhan permintaan domestik serta peningkatan perdagangan global. Sentimen pelaburan dijangka bertambah baik berikutan pengurangan ketidakpastian dasar dan pelonggaran monetari. Perbelanjaan kerajaan dijangka kekal terkawal namun inisiatif bersasar dalam sektor infrastruktur dan tenaga berpotensi memberi rangsangan fiskal sederhana. Pertumbuhan ekonomi diunjur lebih meluas dengan jangkaan pertumbuhan dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan.

Penggunaan swasta diunjurkan bertambah baik pada 2026, disokong oleh inflasi yang menyederhana, guna tenaga yang stabil dan sedikit peningkatan dalam pertumbuhan upah. Kadar faedah dijangka kembali ke paras

normal dalam jangka panjang berkemungkinan mengembalikan semula sebahagian daripada kuasa beli kepada pengguna. Pengangguran dijangka kekal pada 4.2%, menunjukkan daya tahan berterusan dalam pasaran buruh. Inflasi dijangka bertambah baik kepada 2.5%, mencerminkan kestabilan harga, namun masih kekal berisiko. Selain daripada ketidakseimbangan fiskal, ketidakpastian merentas pasaran dan ketidakpastian dalam trajektori masa hadapan Rizab Persekutuan, potensi untuk langkah tarif yang diperbaharui dan ketegangan perdagangan mewujudkan cabaran tambahan. Kenaikan tarif boleh meningkatkan kos import, menyumbang kepada tekanan inflasi dan mengurangkan pendapatan isi rumah sebenar. Kebimbangan tentang kemampuan hutang awam dan kadar penyatuan fiskal boleh memberi kesan kepada keputusan pelaburan jangka panjang.

Pada 2026, pertumbuhan ekonomi **UK** dijangka meningkat sedikit kepada 1.4%, disokong oleh pelonggaran dasar monetari, kesan kekayaan positif dan peningkatan keyakinan yang menggalakkan penggunaan swasta. Peningkatan perbelanjaan awam yang dijangka akan diumumkan melalui belanjawan bulan November juga akan membantu menyokong pertumbuhan UK. Kadar pengangguran dijangka kekal stabil pada 4.4%. Inflasi dijangka terus menyederhana kepada 2.2% menjelang 2026, sejajar dengan langkah Bank of England yang mengekalkan kadar asas 4% pada Ogos 2025 dan dijangka akan terus melonggarkan kadar faedah pasaran.

Ketegangan perdagangan global dijangka akan menurunkan kadar KDNK UK sebanyak 0.3% menjelang 2026, akibat ketidakpastian global yang berterusan, aktiviti dagang yang perlahan dalam kalangan rakan dagang UK dan impak langsung tarif AS yang masih dikenakan ke atas UK. Ketidakpastian perdagangan global yang berterusan boleh menjejaskan pertumbuhan UK dengan melemahkan aktiviti ekonomi dunia, mengganggu rantai bekalan dan menjejaskan pelaburan swasta. Keadaan kewangan yang lebih ketat daripada jangkaan

serta peningkatan simpanan kecemasan oleh isi rumah akan menghalang pertumbuhan penggunaan swasta yang seterusnya melambatkan pemulihan ekonomi.

Pertumbuhan di **kawasan euro** diunjurkan meningkat kepada 1.2% pada 2026, disokong terutamanya oleh permintaan domestik yang menggalakkan. Perbelanjaan isi rumah mengukuh apabila inflasi menurun kepada 1.9%. Pemulihan pelaburan dijangka sederhana didorong oleh pelaburan infrastruktur dan penyelidikan dan pembangunan (R&D), disokong oleh projek yang dibiayai Kesatuan Eropah seperti *Recovery and Resilience Facility* dan *Cohesion Fund*. Pasaran buruh dijangka kekal kukuh dengan kadar pengangguran dijangka menurun kepada 6.3%.

Tinjauan ini terdedah kepada risiko yang signifikan berikutan daripada prospek perdagangan global yang lemah dan ketidakpastian dasar perdagangan yang lebih tinggi. Ketidakpastian ini memberi kesan lebih besar ke atas permintaan domestik berbanding kesan langsung tarif. Sementara itu, ketidakpastian pasaran terhadap ketegangan perdagangan memberi impak kawalan lebih ketat terhadap syarat pembiayaan. Di samping itu, peningkatan kekerapan berlaku bencana berkaitan iklim terus menjadi risiko ke bawah kepada aktiviti ekonomi.

Ekonomi **Jerman** dijangka berkembang 0.9% pada 2026, lebih baik daripada pertumbuhan perlahan pada 2025. Permintaan domestik dijangka mengukuh, didorong oleh pertumbuhan penggunaan berikutan inflasi diunjurkan menurun kepada 1.9%. Pertumbuhan akan disokong oleh pengembangan fiskal di bawah belanjawan persekutuan 2025 kerajaan baharu. Keutamaan kerajaan ialah pemodenan ekonomi dengan cadangan peningkatan ketara dalam perbelanjaan dan pelaburan yang sebahagian besarnya dibiayai oleh terbitan hutang lebih tinggi. Langkah-langkah utama termasuk pakej insentif cukai industri bernilai €46

bilion untuk pelaburan dan R&D di samping pelaburan awam utama dalam pemodenan kereta api, perumahan dan pendigitalan. Kadar pengangguran dijangka bertambah baik kepada 3.2% apabila kadar pertumbuhan guna tenaga meningkat semula.

Tinjauan ekonomi akan terus berdepan dengan risiko besar kerana ekonomi yang bergantung kepada eksport terdedah kepada tarif AS. Sektor utama seperti pembuatan automotif dan jentera menghadapi gangguan yang ketara dan permintaan yang berkurangan. Kekangan utama dari sudut penawaran termasuk kekurangan kemahiran digital dalam pasaran buruh dan kekurangan buruh, boleh menghadkan pertumbuhan produktiviti.

Pertumbuhan KDNK **Perancis** diunjurkan 1% pada 2026 bergantung kepada pemulihan persekitaran luaran dan pelonggaran dasar monetari. Pelaburan swasta dijangka perlahan berikutan penyesuaian pembiayaan yang dilaksanakan secara berperingkat. Pelaksanaan berterusan pelan Perancis 2030 yang bertujuan untuk menyahkarbonkan ekonomi dan menggalakkan inovasi dalam sektor strategik seperti hidrogen hijau, kenderaan elektrik dan kesihatan akan memberikan rangsangan bersasar. Namun begitu, kesan yang lebih meluas akan terhad akibat persekitaran ekonomi yang lemah. Kadar pengangguran dijangka bertambah baik kepada 7.4%. Peningkatan marginal permintaan pengguna diunjur akan mendorong kenaikan inflasi kepada 1.6% pada 2026.

Pelan konsolidasi fiskal kerajaan yang menyasarkan pengurangan defisit belanjawan di bawah paras 3% akan memberikan cabaran dasar serta risiko pertumbuhan jangka pendek. Walaupun langkah ini perlu untuk menangani defisit dan hutang awam yang tinggi, pemotongan belanjawan ini akan mengurangkan permintaan domestik dan boleh meningkatkan risiko ketidakstabilan politik. Persekitaran luaran ekonomi Perancis terdedah kepada kelembapan global yang berpanjangan khususnya dengan rakan dagang utama seperti

Jerman. Selain itu, ketegangan perdagangan antarabangsa yang berterusan dijangka akan terus memberi tekanan ke atas eksport dan pelaburan.

Pada 2026 pertumbuhan KDNK **Jepun** dijangka menyederhana 0.5%. Inflasi dijangka mencatat 2.1% terutamanya disebabkan oleh kesan penurunan harga makanan. Kadar pengangguran dijangka kekal pada 2.6%. Jepun berisiko untuk berdepan dengan isu rantai bekalan yang berlarutan, ketegangan perdagangan serta tekanan demografi.

Pertumbuhan KDNK **Australia** pada 2026 dijangka berkembang pada 2.2%. Pertumbuhan ini didorong oleh peningkatan aktiviti pelaburan merangkumi pelaburan yang disubsidi oleh kerajaan dalam sektor tenaga boleh diperbaharui dan mineral kritikal. Pemacu utama pertumbuhan yang dijangkakan adalah peningkatan pelaburan perniagaan terutamanya dalam bidang teknologi dan infrastruktur mampan. Di samping itu, perdagangan luar yang lebih konsisten termasuk eksport perkhidmatan diunjur berkembang dengan peningkatan pelancong dari China ke Australia, susulan daripada pemulihan hubungan kedua-dua negara. Inflasi dijangka menurun kepada 2.1% iaitu dalam lingkungan julat sasaran RBA, manakala kadar pengangguran pula diunjurkan menurun kepada 4%.

Pertumbuhan ekonomi **Republik Korea** dijangka menyederhana 1.8% pada 2026 disokong oleh pemulihan permintaan domestik. Inflasi dan kadar pengangguran diunjurkan kekal stabil. Republik Korea terdedah kepada kejutan permintaan luar, penguatkuasaan peraturan pembinaan yang lebih ketat serta ketegangan perdagangan.

Pada 2026 pertumbuhan **China** dijangka berkembang perlahan 4.2% berikutan sekatan perdagangan lebih ketat yang memperlambatkan pertumbuhan eksport serta ketidakpastian dalam pelaburan sektor pembuatan dan permintaan buruh. Inflasi dijangka meningkat

0.6% dan kadar pengangguran dijangka kekal stabil pada 5.1%. Risiko di China juga meliputi peningkatan ketegangan perdagangan global, gangguan rantai bekalan, ketidaktentuan harga komoditi serta kelemahan berpanjangan dalam sektor hartanah.

Pertumbuhan **India** dijangka kekal 6.4% pada 2026 disokong oleh penggunaan domestik berdaya tahan, aktiviti pelaburan berterusan dan persekitaran luaran yang bertambah baik. Tarif rendah dan keadaan kewangan yang bertambah baik dijangka akan mengukuhkan prestasi eksport dan menarik aliran masuk modal. Penerusan dasar-dasar yang memberi keutamaan kepada pembangunan infrastruktur dan pertumbuhan industri akan terus mengukuhkan pengembangan jangka sederhana. Kadar pengangguran diunjurkan kekal rendah pada 3.4% mencerminkan pewujudan peluang pekerjaan yang berterusan dalam sektor perkhidmatan dan pembuatan. Inflasi dijangka mencatat 4.5% dalam persekitaran inflasi teras yang stabil, sekali gus mengekalkan tekanan harga dalam sasaran Reserve Bank of India.

Pertumbuhan **ASEAN-5** pada 4.1% dijangka akan berterusan, diperkukuh oleh pelaburan infrastruktur dan pengembangan sektor perkhidmatan, dengan inflasi dan pengangguran yang terkawal. Ekonomi ASEAN-5 menghadapi risiko daripada ketegangan perdagangan global, ketidaktentuan komoditi, kejadian berkaitan iklim dan ketidakpastian politik.

Pertumbuhan **Indonesia** diunjurkan pada 4.7%, dengan inflasi dijangka meningkat secara marginal kepada 2.5% disebabkan oleh permintaan yang bertambah baik. Namun begitu, Indonesia kekal terdedah kepada risiko daripada cabaran perdagangan global dan ketidaktentuan harga komoditi.

Pertumbuhan **Thailand** diunjurkan kekal sederhana 1.7% pada 2026 disokong oleh pemulihan permintaan domestik dan perdagangan apabila kesan tarif berkurangan.

Pertumbuhan ini membawa kepada pasaran buruh yang lebih baik dan meningkatkan pengeluaran. Inflasi dijangka meningkat secara berperingkat pada 2026. Ekonomi Thailand terus menghadapi kekangan dan risiko tahap hutang isi rumah dan korporat yang tinggi, ketidakpastian harga dan pengeluaran pertanian serta ketidakpastian keadaan perdagangan dan ekonomi global.

Pertumbuhan **Singapura** diunjur meningkat 1.9% pada 2026 berikutan pemulihan secara berperingkat permintaan luaran, ketidakpastian global yang mereda dan faktor domestik seperti penggunaan swasta serta peningkatan pengumpulan modal. Inflasi dijangka mencatat 1.5% disokong oleh harga tenaga yang semakin stabil dan gangguan rantaian bekalan global yang semakin pulih. Sementara itu, kadar pengangguran dijangka bertambah baik pada 1.9% disokong oleh inisiatif kerajaan berkaitan latihan semula tenaga kerja dan transformasi digital. Risiko bagi Singapura merangkumi keadaan kewangan yang lebih ketat, ketidakpastian geopolitik dan ketegangan perdagangan global.

Ekonomi **Filipina** dijangka berkembang 5.9% didorong sebahagian besar oleh penggunaan swasta, pasaran buruh yang mampan dan aliran masuk kiriman wang yang berterusan. Pelaburan awam di bawah program infrastruktur kerajaan dijangka membantu mengekalkan momentum pertumbuhan. Sektor perkhidmatan dan pelancongan dijangka akan merangsang pertumbuhan dari segi penawaran diikuti oleh sumbangan daripada sektor industri dan pertanian. Kadar inflasi dijangka meningkat kepada 2.9% dan pengangguran kekal pada 4.5% disokong oleh reformasi ekonomi yang berterusan dan program pelaburan infrastruktur yang kukuh. Filipina berisiko menghadapi bencana alam, gangguan tenaga dan ketegangan perdagangan global.

Kesimpulan

Tinjauan ekonomi global 2025 dan 2026 menunjukkan pemulihan yang stabil namun masih terdedah kepada risiko. Pertumbuhan diunjurkan berkembang sederhana 3% pada 2025 dan 3.1% pada 2026 dengan pasaran baru muncul menjadi penyumbang utama momentum. Inflasi terus mereda walaupun pelarasan adalah berbeza antara rantau.

Namun, prospek ini masih terdedah kepada risiko ke bawah. Kesan yang semakin pudar daripada aktiviti perdagangan yang dilakukan lebih awal (*front-loading*) berkaitan tarif, potensi langkah pembaharuan tarif, peningkatan ketegangan geopolitik serta ketidakseimbangan fiskal menimbulkan risiko ketara kepada kestabilan pada 2026. Pada masa sama, keadaan kewangan global yang lebih ketat serta tahap hutang awam yang tinggi di beberapa ekonomi menambah ketidakpastian.

Penggubal dasar perlu menekankan usaha pemuliharaan penampan fiskal, mengekalkan kredibiliti dasar monetari serta membina rangka kerja perdagangan yang jelas dan boleh jangka untuk melindungi pemulihan ekonomi. Reformasi struktural yang meningkatkan produktiviti, mempercepatkan transformasi digital dan menambah baik daya saing akan menjadi teras bagi mengukuhkan potensi pertumbuhan jangka sederhana serta daya tahan ekonomi global.

Rujukan

- ASEAN Integration Monitoring Directorate. (2025). *ASEAN financial integration monitoring report 2025*. The ASEAN Secretariat.
- ASEAN. (2024, Januari). *ASEAN for business bulletin*. <https://asean.org/wp-content/uploads/2024/01/ASEAN-for-Business-Bulletin-January-2024.pdf>
- ASEAN+3 Macroeconomic Research Office. (2025, Julai 23). *Quarterly update of the ASEAN+3 regional economic outlook (AREO)*. <https://amro-asia.org/quarterly-update-of-the-asean3-regional-economic-outlook-areo-julai-2025>
- Australian Bureau of Statistics. (2025, Jun 4). *Australian economy grew 0.2 per cent in March quarter*. <https://www.abs.gov.au/media-centre/media-releases/australian-economy-grew-02-cent-march-quarter>
- Australian Bureau of Statistics. (2025, Jun). *Consumer price index, Australia*. <https://www.abs.gov.au/statistics/economy/price-indexes-and-inflation/consumer-price-index-australia/latest-release>
- Australian Bureau of Statistics. (2025, Mac 20). *Unemployment rate remains steady at 4.1% in February*. <https://www.abs.gov.au/media-centre/media-releases/unemployment-rate-remains-steady-41-february>
- Bangko Sentral ng Pilipinas. (2025, Jun). *Monetary policy report, Jun 2025*. https://www.bsp.gov.ph/Price%20Stability/MonetaryPolicyReport/EconomicOutlook_Jun2025.pdf
- Bank of Japan. (2025, Julai). *Outlook for economic activity and prices*. <https://www.boj.or.jp/en/mopo/outlook/gor2507a.pdf>
- Bank of Korea. (2025, Julai 24). *Real gross domestic product: Second quarter of 2025 (Advance estimate)*. <https://www.bok.or.kr/eng/bbs/E0000634/view.do?nttId=10092639>
- Bank of Korea. (2025, Mei). *Korea economic outlook*. <https://www.bok.or.kr/eng/bbs/B0000358/view.do?nttId=10092502>
- Bank Pembangunan Asian. (2015). *Southeast Asia and the economics of global climate stabilization*. <https://www.adb.org/sites/default/files/publication/178615/sea-economics-global-climate-stabilization.pdf>
- Bank Pembangunan Asian. (2025, Julai). *Asian development outlook: Slower growth amid tariffs and uncertainty*. <https://dx.doi.org/10.22617/FLS250292-3>
- Bank of Thailand. (2025). *Thai economy*. <https://www.bot.or.th/en/thai-economy.html>
- Bank of Thailand. (2025, Julai 9). *Monetary policy forum slides, Q2/2025*. <https://www.bot.or.th/en/our-roles/monetary-policy/mpc-publication/Monetary-Policy-Forum.html>
- Bank of Thailand. (2025, Jun). *Press release on the economic and monetary conditions for Jun and Q2/2025*. <https://www.bot.or.th/content/dam/bot/documents/en/thai-economy/state-of-thai-economy/monthly-report/macro-2025-06-press.pdf>
- Bank of Thailand. (2025, Ogos). *Economic outlook: Forecast summary as of 25 Jun 2025*. <https://www.bot.or.th/en/thai-economy/economic-outlook.html>
- Banque de France. (2025, Jun 11). *Macroeconomic projections – Jun 2025*. <https://www.banque-france.fr/en/publications-and-statistics/publications/macroeconomic-projections-jun-2025>

- BPS – Statistics Indonesia. (2024, November 5). *Indonesia's economic growth in Q3-2024 was 1.50 percent (Q-to-Q)*. <https://www.bps.go.id/en/pressrelease/2024/11/05/2382/>
- BPS – Statistics Indonesia. (2025, Mei 5). *Indonesia's economic growth in Q1-2025 was 4.87 percent (Y-on-Y); -0.98 percent (Q-to-Q)*. <https://www.bps.go.id/en/pressrelease/2025/05/05/2431/>
- BPS – Statistics Indonesia. (2025, Mei 5). *Unemployment rate was 4.76 percent; Average wage of employees was 3.09 million rupiah*. <https://www.bps.go.id/en/pressrelease/2025/05/05/2432/>
- BPS – Statistics Indonesia. (2025, Ogos 1). *Year-on-year headline inflation in Julai 2025 was 2.37 percent*. <https://www.bps.go.id/en/pressrelease/2025/08/01/2450/>
- BPS – Statistics Indonesia. (2025, Ogos 5). *Indonesia's economic growth reaches 5.12 percent in Q2-2025*. <https://www.bps.go.id/en/news/2025/08/05/741/>
- BPS – Statistics Indonesia. (2025, Ogos 5). *Indonesia's economy in Q2-2025: 4.04 percent (Q-to-Q), 5.12 percent (Y-on-Y), 4.99 percent (C-to-C)*. <https://www.bps.go.id/en/pressrelease/2025/08/05/2455/>
- Bureau of Economic Analysis. (2025, Jun 27). *Gross domestic product, Q1 2025 (third estimate), GDP by industry, and corporate profits (revised)*. U.S. Department of Commerce. <https://www.bea.gov/news/2025/gdp-1st-quarter-2025-third-estimate>
- Bureau of Economic Analysis. (2025, September 26). *Gross domestic product, Q2 2025 (third estimate), GDP by industry, corporate profits (revised), and annual update*. U.S. Department of Commerce. <https://www.bea.gov/news/2025/gdp-2nd-quarter-2025-third-estimate>
- Cabinet Office, Government of Japan. (2025, Julai). *Monthly economic report executive summary*. <https://www5.cao.go.jp/keizai3/getsurei-e/2025jul.html>
- Department of National Accounts, Economic and Social Research Institute, Cabinet Office, Government of Japan. (2025, Jun). *Quarterly estimates of GDP: January–March 2025 (Second preliminary)*. https://www.esri.cao.go.jp/jp/sna/data/data_list/sokuhou/files/2025/qe251_2/pdf/jikei_1.pdf
- Economist Intelligence Unit. (2025, Ogos 15). *One-click report: Australia*. <https://viewpoint.eiu.com/analysis>
- European Commission. (2025, Mei 19). *Spring 2025 economic forecast: Moderate growth amid global economic uncertainty*. <https://economy-finance.ec.europa.eu/economic-forecast-and-surveys/economic-forecasts/spring-2025-economic-forecast>
- Eurostat. (2025, Jun 16). *Euro area job vacancy rate at 2.4%*. <https://ec.europa.eu/eurostat/en/web/products-euro-indicators/w/3-16062025-ap>
- Japan International Labour Foundation. (2025, Jun 11). *Economic and labor situation in Japan, May 2025*. <https://www.jilaf.or.jp/en/news/20250611-5463/>
- Le site officiel du Gouvernement. (2025). *Major objectives France 2030: Building the France of tomorrow*. <https://www.info.gouv.fr/grand-dossier/france-2030-en/major-objectives>
- Manpower Research and Statistics Department, Ministry of Manpower, Republic of Singapore. (2025, Julai 30). *Labour market advance release, Q2 2025*. https://stats.mom.gov.sg/iMAS_PdfLibrary/mrsd-LMAR-2Q-2025.pdf

- McKinsey & Company. (2025, Jun 23). *Southeast Asia quarterly economic review: Indonesia*. <https://www.mckinsey.com/featured-insights/future-of-asia/southeast-asia-quarterly-economic-review#indonesia>
- McKinsey & Company. (2025, Jun 24). *Regional economic overview*. <https://www.mckinsey.com/featured-insights/future-of-asia/southeast-asia-quarterly-economic-review#overview>
- McKinsey & Company. (2025, Jun 24). *Thailand: Southeast Asia quarterly economic review—Softening sinks*. <https://www.mckinsey.com/featured-insights/future-of-asia/southeast-asia-quarterly-economic-review#thailand>
- Ministry of Statistics and Programme Implementation (India). (2025). *National accounts statistics 2024*. <https://www.mospi.gov.in/publication/national-accounts-statistics-2024>
- Ministry of Statistics and Programme Implementation (India). (2025). *National accounts statistics 2025*. <https://www.mospi.gov.in/publication/national-accounts-statistics-2025>
- Ministry of Trade and Industry Singapore. (2025, April 14). *Singapore's GDP grew by 3.8 percent in Q1 2025; Forecast downgraded to 0.0–2.0 percent*. <https://www.mti.gov.sg/Newsroom/Press-Releases/2025/04>
- Ministry of Trade and Industry Singapore. (2025, Julai 14). *Singapore's GDP grew by 4.3 percent in Q2 2025*. <https://www.mti.gov.sg/Newsroom/Press-Releases/2025/07>
- Monetary Authority of Singapore. (2025, April 14). *MAS monetary policy statement—April 2025*. <https://www.mas.gov.sg/news/monetary-policy-statements/2025/mas-monetary-policy-statement-14apr25>
- National Bureau of Statistics of China. (2024, Julai 15). *National economy was generally stable with steady progress in the first half year*. https://www.stats.gov.cn/english/PressRelease/202407/t20240715_1955620.html
- National Bureau of Statistics of China. (2025, Julai 15). *National economy made steady improvement despite challenges in the first half year*. https://www.stats.gov.cn/english/PressRelease/202507/t20250715_1960408.html
- National Economic and Social Development Council, Thailand. (2025, Ogos 18). *Quarterly status report*. <https://www.nesdc.go.th/en/>
- National Economic and Social Development Council, Thailand. (2025, Ogos 25). *Thailand's social outlook, Q2/2025*. <https://www.nesdc.go.th/wordpress/wp-content/uploads/2025/08>
- National Economic and Social Development Council, Thailand. (2025, Ogos). *Quarterly gross domestic product (QGDP)*. <https://www.nesdc.go.th/en/info/quarterly-gross-domestic-product-qgdp-en>
- Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan. (2025). *OECD economic outlook, Volume 2025 Issue 1: Tackling uncertainty, reviving growth*. <https://doi.org/10.1787/83363382-en>
- Philippine Statistics Authority. (2025, Julai 16). *Summary inflation report: Consumer price index, Jun 2025*. <https://rss02.psa.gov.ph/content/summary-inflation-report-consumer-price-index-jun-2025>
- Philippine Statistics Authority. (2025, Mei 8). *GDP expands by 5.4 percent in Q1 2025*. <https://psa.gov.ph/content/gdp-expands-54-percent-first-quarter-2025>
- Philippine Statistics Authority. (2025, Ogos 6). *Labour force participation in Jun 2025*. <https://psa.gov.ph/system/files/iesd/Press-Release-for-Jun-2025-LFS.pdf>
- Philippine Statistics Authority. (2025, Ogos 7). *GDP expands by 5.5 percent in Q2 2025*. <https://psa.gov.ph/statistics/national-accounts>
- Sectoral and Regional Group DKEM. (2025, Jun 2). *Nusantara report, April 2025*. Bank Indonesia. <https://www.bi.go.id/en/publikasi/laporan/Pages/Laporan-Nusantara-April-2025.aspx>

- Singapore Department of Statistics. (2024, Ogos 13). *Performance of the Singapore economy, Q2 2024; GDP growth forecast narrowed to 2.0–3.0 percent*. <https://www.singstat.gov.sg/-/media/files/news/gdp2q2024.ashx>
- Singapore Department of Statistics. (2025, Julai 23). *Singapore consumer price index by household income group, Jan–Jun 2025*. <https://www.singstat.gov.sg/-/media/files/news/cpihh-jan-jun2025.ashx>
- Singapore Department of Statistics. (2025, Ogos 12). *MTI upgrades 2025 GDP growth forecast to 1.5–2.5 percent*. <https://www.singstat.gov.sg/-/media/files/news/gdp2q2025.ashx>
- Tabung Kewangan Antarabangsa. (2025, April). *Global financial stability report: Enhancing resilience amid uncertainty*. <https://www.imf.org/en/Publications/>
- Tabung Kewangan Antarabangsa. (2025, April). *World economic outlook: A critical juncture amid policy shifts*. <https://www.imf.org/en/Publications/WEO/Issues/2025/04/22/world-economic-outlook-april-2025>
- Tabung Kewangan Antarabangsa. (2025, Julai 14). *IMF executive board concludes 2025 Article IV consultation with France*. <https://www.imf.org/en/News/Articles/2025/07/11/pr-25249-france-imf-concludes-2025-article-iv-consultation>
- Tabung Kewangan Antarabangsa. (2025, Julai 16). *Singapore: 2025 Article IV consultation—Press release; Staff report; and Statement by the Executive Director for Singapore*. <https://www.imf.org/en/Publications/CR/Issues/2025/07/16>
- Tabung Kewangan Antarabangsa. (2025, Julai 29). *World economic outlook update: Global economy, tenuous resilience amid persistent uncertainty*. <https://www.imf.org/en/Publications/WEO/Issues/2025/07/29>
- Tabung Kewangan Antarabangsa. European Department. (2025). *France: 2025 Article IV consultation—Press release; Staff report; and Statement by the Executive Director*. <https://doi.org/10.5089/9798229016780.002>
- The Economist Intelligence Unit. (2025, Julai 15). *China will face a harsher H2 despite resilience thus far*. <https://viewpoint.eiu.com/analysis/article/1492162949>
- The State Council of the People's Republic of China. (2025, Julai 17). *China's economic resilience drives global growth*. https://english.www.gov.cn/news/202507/17/content_WS6878e894c6d0868f4e8f43e6.html
- Watanabe, Y. (2025, Julai 31). *ASEAN+3 in an age of global uncertainty*. ASEAN+3 Macroeconomic Research Office. <https://amro-asia.org/asean3-in-an-age-of-global-uncertainty>
- World Bank Group. (2025, Ogos). *The World Bank in Thailand*. <https://www.worldbank.org/en/country/thailand/overview>